



# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA**

**JABATAN / BAHAGIAN PELESENAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
NEGERI JOHOR**

**TERBITAN 01 NOVEMBER 2022**

## 1. OBJEKTIF

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara permohonan Lesen Penjaja bagi aktiviti penjajaan tepi jalan / dalam premis di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

## 2. SKOP PELESENAN

Kategori dan definisi Lesen Penjaja ialah:

Bil.	Kategori	Definisi	Tempoh Kelulusan
i.	Lesen Penjaja Statik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gerai Statik (berstruktur) berstatus penjaja</li> <li>• Pasar / Gerai / Arked Milik PBT</li> <li>• Gerai Persendirian (berstruktur) berstatus penjaja</li> <li>• Peniaga Pasar Malam / Pasar Lambak / Pasar Pagi / Pasar Sehari</li> <li>• Penjaja di kawasan berpusat</li> </ul>	Satu (1) hari bekerja
ii.	Lesen Penjaja Sementara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjaja Sementara Tepi Jalan (bukan kawasan berpusat)</li> <li>• Penjaja Buah Bermusim</li> </ul>	Tujuh (7) hari bekerja
iii.	Lesen Penjaja Bergerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Foodtruck</li> <li>• <i>Car Boot Sale</i></li> <li>• Penjaja berkenderaan</li> </ul>	Tujuh (7) hari bekerja

\*\*\* Tempoh kelulusan berdasarkan penerimaan borang dan dokumen permohonan yang lengkap dan teratur.

## 3. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti penjajaan yang dilesenkan adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi pemakaian dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

## 4. KUASA MELULUS

BANDARAYA	PERBANDARAN	DAERAH
Datuk Bandar	Yang Dipertua	Yang Dipertua
Setiausaha	Setiausaha	Setiausaha
Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)	Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)	Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)
PPT (Gred : 29 dan ke atas)	PPT (Gred : 29 dan ke atas)	PPT (Gred : 29 dan ke atas)
PPKP (Gred : 29 dan ke atas)	PPKP (Gred : 29 dan ke atas)	PPKP (Gred : 29 dan ke atas)
<b>PENYEDIA (Petugas kaunter) : PT (Gred : 19 / 22)</b>		
<b>NOTA PENTING :</b>		
<p><b>Penyelarasan bagi penurunan kuasa daripada Datuk Bandar / Yang Dipertua hendaklah dilaksanakan oleh setiap PBT berkenaan</b></p> <p><b>Kelulusan adalah diperingkat penurunan kuasa dan hanya akan dimaklumkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa</b></p>		

## 5. TAFSIRAN TEMPOH KELULUSAN SATU (1) HARI BEKERJA

- a) Maksimum 24 jam waktu bekerja dari tempoh penerimaan borang permohonan yang lengkap dan teratur.
- b) Pematuhan syarat-syarat asas permohonan.
- c) Dokumen sokongan disertakan.
- d) Terhadap kepada kategori Lesen Penjaja Statik **SAHAJA**

## 6. FI PROSES

**RM 30.00** bagi setiap permohonan baru.

## 7. LARANGAN AKTIVITI

Bil.	Aktiviti
1	Menjual barangan berkaitan rokok elektronik atau 'vape' atau e-Rokok
2	Menjual barangan berkaitan shisha
3	Menjual barangan cetak rompak
4	Menjual barangan mercun / bunga api

## 8. LARANGAN KAWASAN PENJAJAAN

Bil.	Kawasan Larangan Menjaja
i.	Dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan
ii.	Dalam lingkungan tiga puluh (30) desimeter/ tiga (3) meter dari pili bomba
iii.	Di atas tangga, kaki lima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua
iv.	Dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki
v.	Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
vi.	200 meter dari sempadan kawasan Sekolah / Kolej ( <b>jarak tersebut tertakluk kepada jarak yang termaktub dalam UUK PBT berkenaan</b> )
vii.	100 meter dari sempadan kawasan Pejabat Kerajaan ( <b>jarak tersebut tertakluk kepada jarak yang termaktub dalam UUK PBT berkenaan</b> )
viii.	Di jalan-jalan masuk utama dan di jalan utama kawasan perumahan
ix.	Bahu-bahu jalan yang melibatkan kawasan berumput landskap taman atau siarkaki
x.	Dalam kawasan taman permainan dan rekreasi
xi.	Jalan-jalan yang diisytihar sebagai jalan protokol (rujuk PBT masing-masing)
xii.	Mana-mana lorong belakang, lorong tepi dan lorong-lorong susur kecuali dengan kebenaran Datuk Bandar / Yang Dipertua
xiii.	Kawasan-kawasan yang diumumkan dinyatakan oleh PBT (atas faktor risiko keselamatan / kemalangan / kesesakan / aduan)
xiv.	Kawasan-kawasan lain tertakluk kepada Undang-Undang Kecil PBT berkenaan

## 9. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
i.	Warganegara Malaysia
ii.	Berumur 18 tahun ke atas
iii.	Melengkapkan dan mengemukakan Borang Permohonan Lesen Penjaja yang lengkap berserta dokumen asas permohonan.


## 10. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Kad Pengenalan Pemohon	Satu (1) salinan
ii.	Gambar berukuran Pasport	Satu (1) salinan
iii.	Gambar Lokasi dan Pelan lokasi tapak perniagaan yang ditandakan <b>(X)</b> (Gambar 'Google Map' <b>TIDAK DIBENARKAN</b> )	Satu (1) salinan
<b>Dokumen Tambahan (Jika Berkenaan)</b>		
iv.	Surat kebenaran pemilik tanah / Pemegang Rezab / Surat kelulusan penyewaan / Perjanjian yang sah / Surat tawaran menduduki petak niaga	Satu (1) salinan
v.	Pendaftaran Perniagaan (SSM)	Satu (1) salinan
vi.	Salinan Pendaftaran Kenderaan / Kelulusan JPJ (jika penjaja berkenderaan)	Satu (1) salinan
<b>Dokumen Yang Perlu Disediakan Selewat-Lewatnya 3 Hari Selepas Kelulusan</b>		
vii.	Bukti suntikan Anti <i>Typhoid</i> (TY2) yang masih sah - untuk penjaja makanan / minuman SAHAJA	Satu (1) salinan setiap pengendali
viii.	Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan (Pemohon & Pekerja) - untuk penjaja makanan / minuman SAHAJA	Satu (1) salinan setiap pengendali


**11. SYARAT PEMATUHAN KELULUSAN LESEN**

- a) Kelulusan terhad kepada lokasi permohonan yang telah diluluskan sahaja
- b) Menjaga kebersihan tapak semasa dan selepas waktu perniagaan
- c) Menyediakan tong sampah bagi pelupusan sisa pepejal dan hendaklah dilupuskan oleh penjaja di tempat yang sesuai
- d) Tidak dibenarkan untuk membuang sisa cecair / bahan penjajaan dalam mana-mana longkang atau tempat awam
- e) Tidak dibenarkan untuk meletakkan atau meninggalkan peralatan perniagaan / *stall* di tapak penjajaan selepas waktu perniagaan
- f) Tidak dibenarkan membina sebarang binaan / struktur kekal di tapak penjajaan
- g) Memastikan tidak berlaku kacau ganggu halangan lalulintas sewaktu perniagaan dijalankan
- h) Pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid (TY2) serta pemeriksaan kesihatan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen Penjaja diperolehi. Buku suntikan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- i) Pemohon dan pengendali makanan hendaklah menyertai kursus pengendalian makanan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen Penjaja diperolehi. Sijil kursus tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan
- j) Pemohon mestilah sentiasa bersedia dan akur jika diarahkan berpindah lokasi oleh pihak Majlis.
- k) Pemohon hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta lain-lain syarat yang dikenakan PBT atau agensi kerajaan yang lain dari semasa ke semasa. Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis.
- l) Syarat-syarat lain tertakluk kepada Undang-Undang Kecil PBT berkenaan yang diwartakan.

12. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENJAJA STATIK



13. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PENJAJA SEMENTARA DAN PENJAJA BERGERAK





## 14. PIAGAM PELANGGAN

BIL.	KATEGORI	DEFINISI	PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
i.	Lesen Penjaja Statik	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gerai Statik (berstruktur) berstatus penjaja</li> <li>Pasar / Gerai / Arked Milik PBT</li> <li>Gerai Persendirian (berstruktur) berstatus penjaja</li> <li>Peniaga Pasar Malam / Pasar Lambak / Pasar Pagi / Pasar Sehari</li> <li>Penjaja di kawasan berpusat</li> </ul>	Tempoh proses permohonan dan kelulusan Lesen Penjaja Statik	Maksimum 24 Jam / Satu (1) hari bekerja daripada permohonan yang lengkap diterima
ii.	Lesen Penjaja Sementara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penjaja Sementara Tepi Jalan (bukan kawasan berpusat)</li> <li>Penjaja Buah Bermusim</li> </ul>	Tempoh proses permohonan dan kelulusan Lesen Penjaja Sementara & Penjaja Bergerak	Maksimum Tujuh (7) bekerja daripada permohonan yang lengkap diterima
iii.	Lesen Penjaja Bergerak	<ul style="list-style-type: none"> <li>Foodtruck</li> <li>Car Boot Sale</li> <li>Penjaja berkenderaan</li> </ul>		

## 15. PENETAPAN KHAS

Aktiviti penjajaan di hadapan rumah sendiri adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Jenis jualan adalah makanan / minuman yang telah siap sedia dibungkus kecuali penjualan *burger* sahaja (Sate, roti canai dan lain-lain jenis jualan yang melibatkan aktiviti pembakaran atau masakan TIDAK DIBENARKAN)
- ii. Masa jualan adalah **TERHAD** sebagaimana berikut :
  - a) Dari jam 5.00 pagi hingga 10.00 pagi
  - b) Dari jam 6.00 petang hingga 12.00 tengah malam

\*Sewaan kepada pihak ketiga adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

## 16. BORANG PERMOHONAN LESEN PENJAJA

Borang Permohonan Lesen Penjaja adalah sebagaimana **Lampiran**.

**LAMPIRAN**  
**BORANG PERMOHONAN**  
**LESEN PENJAJA**


**TEMPOH KELULUSAN (KEGUNAAN PEJABAT)**

1 HARI BEKERJA

7 HARI BEKERJA

KEGUNAAN PEJABAT	
RUJUKAN FAIL	
NO. AKAUN	

GAMBAR  
PEMOHON  
BERUKURAN  
PASPORT



# BORANG PERMOHONAN LESEN PENJAJA

**PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR**



## ARAHAN

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas
2. Tandakan (✓) dalam kotak berkenaan

PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA AKAN DITERIMA UNTUK DIPROSES <i>(Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan            nombor di penjuru atas sebelah kanan dokumen            tersebut)</i>	DIISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER	
		ADA	TIADA
1. Satu (1) salinan Kad Pengenalan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Satu (1) keping Gambar Berukuran Pasport (dilekatkan pada borang permohonan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Gambar lokasi / Pelan / Koordinat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<i>Dokumen Tambahan Bagi Penjaja Sementara (Tepi Jalan) / Penjaja Buah Bermusim</i>			
4. Surat kebenaran pemilik tanah / pemegang rezab / perjanjian yang sah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<i>Dokumen Tambahan Bagi Penjaja Bergerak / Penjaja Berkenderaan / Foodtruck / Car Boot Sale</i>			
5. Gambar Kenderaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Salinan Geran Kenderaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<i>Dokumen Tambahan Bagi Permohonan Yang Melibatkan Aktiviti Penjajaan Makanan dan/atau minuman (Wajib dipatuhi dalam tempoh masa 3 hari selepas kelulusan)</i>			
7. Salinan Sijil Suntikan TY2 (Pengendali makanan sahaja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**BORANG TELAH DISEMAK OLEH :**

Tidak lengkap & dikembalikan

Lengkap & diterima

.....  
(Tandatangan & Cop)

Tarikh : .....

**BAHAGIAN I****MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON**

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat Surat Menyurat :
4. No. Tel Rumah :   
H/P :
6. Bangsa :  Melayu  Cina  India  Lain-lain (Nyatakan: )
7. Jantina :  Lelaki  Perempuan

**BAHAGIAN II**

PERMOHONAN LESEN PASAR MALAM / PASAR LAMBAK / PASAR PAGI / PASAR SEHARI  
(DIISI OLEH PEMOHON PASAR MALAM / PASAR LAMBAK / PASAR PAGI / PASAR SEHARI  
SAHAJA)

1. Jenis Pasar:  Pasar Pagi  Pasar Sehari  
(Tandakan  $\checkmark$ )  Pasar Malam / Pasar Lambak
2. Lokasi Pasar Malam / Lambak / Pagi / Sehari Yang Dipohon :   
(Maksimum 3 lokasi pasar malam/lambak sahaja)
3. Jenis Jualan (Sila nyatakan secara terperinci barang / makanan / minuman yang dijual)
- | MAKANAN              | MINUMAN              | LAIN-LAIN            |
|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
4. Pelan petak pasar yang di pohon
- 
5. Jumlah Petak / Tapak / Lot yang dipohon :

**BAHAGIAN III**  
**PERMOHONAN LESEN PENJAJA**

1. Jenis Penjaja (Tandakan √)  Penjaja Sementara (Tepi Jalan / Kawasan berpusat)  Penjaja Buah Bermusim  Foodtruck  Car Boot Sale  Lain-lain  
Nyatakan :.....
2. Status Tanah (Tandakan √)  Hak Milik Persendirian  Tanah Kerajaan (Rezab)  Tanah Sewa  Tapak Parkir  Lain-lain  
(Nyatakan: )

3. Alamat Aktiviti Penjajaan :

4. Jenis Jualan (Sila nyatakan secara terperinci barang / makanan / minuman yang dijual)
- | MAKANAN | MINUMAN | LAIN-LAIN |
|---------|---------|-----------|
|         |         |           |

5. Masa Jualan : Dari \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

6. Jenis Kenderaan (Penjaja Berkenderaan / Foodtruck / Car Boot Sale)
- |   |  |                               |
|---|--|-------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Kereta Sorong            | <input type="checkbox"/> Motosikal           | <input type="checkbox"/> Van  |
| <input type="checkbox"/> Basikal                  | <input type="checkbox"/> Motosikal Roda Tiga | <input type="checkbox"/> Lori |
| <input type="checkbox"/> Beca / Basikal Roda Tiga | <input type="checkbox"/> Kereta / Wagon      |                               |

7. No Pendaftaran Kenderaan : \_\_\_\_\_

8. Gambar lokasi / Pelan / Koordinat

## BAHAGIAN VI

### SYARAT-SYARAT SELEPAS KELULUSAN

- a) Kelulusan **TERHAD kepada lokasi permohonan** yang telah diluluskan **SAHAJA**.
- b) **Menjaga kebersihan** tapak semasa dan selepas waktu perniagaan.
- c) **Menyediakan tong sampah** bagi pelupusan sisa pepejal dan hendaklah dilupuskan oleh penjaja di tempat yang sesuai.
- d) **TIDAK DIBENARKAN untuk membuang sisa cecair / bahan kotor/ buangan** dalam mana-mana longkang atau tempat awam.
- e) **TIDAK DIBENARKAN** untuk meletakkan atau **meninggalkan peralatan perniagaan / stall** di tapak penjajaan selepas waktu perniagaan.
- f) **TIDAK DIBENARKAN membina sebarang binaan / struktur** kekal di tapak penjajaan.
- g) Memastikan **TIDAK** berlaku kacau ganggu / halangan lalulintas sepanjang waktu perniagaan dijalankan.
- h) Pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid (TY2) serta pemeriksaan kesihatan dalam tempoh masa **tiga (3) hari selepas kelulusan** Lesen Penjaja diperolehi. Buku suntikan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- i) Pemohon dan pengendali makanan hendaklah menyertai kursus pengendalian makanan dalam tempoh masa **tiga (3) hari selepas kelulusan** Lesen Penjaja diperolehi. Sijil kursus tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan.
- j) Pemohon mestilah **sentiasa bersedia dan akur** jika diarahkan untuk berpindah lokasi oleh pihak Majlis.
- k) **HENDAKLAH MEMATUHI** undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta lain-lain syarat yang dikenakan PBT atau agensi kerajaan yang lain dari semasa ke semasa. Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis.

<b>BAHAGIAN VII</b>
<b>PENGAKUAN PEMOHON</b>

1. Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah telus dan benar.
2. Saya berjanji akan menyerahkan semula lesen ini jika didapati maklumat yang diberikan ini tidak benar dan palsu.
3. Saya berjanji mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan sekiranya permohonan ini diluluskan.

.....  
Nama :

.....  
Tarikh